

Financial Times Puji Ekonomi Malaysia Yang Tetap Berkembang Meskipun Pelbagai Cabaran
Bernama
17 Ogos, 2012
Oleh Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Tidak selalu ekonomi baru muncul mendapatkan kenyataan positif daripada pengamal media asing.

Bagaimanapun, Malaysia telah mendapat kenyataan yang lebih bersifat pujian daripada wartawan asing kebelakangan ini.

Artikel Jeremy Grant mengenai pusat kewangan Kuala Lumpur yang bakal dibangunkan tidak lama lagi, Tun Razak Exchange, dan keadaan ekonomi Malaysia dalam Financial Times hari ini menjadi contoh.

Beliau menulis: "Dengan banyak ekonomi dunia mengalami pertumbuhan anemia, adalah sukar untuk mempercayai bahawa mana-mana negara akan menjangkakan satu projek pada skala ini.

"Namun, ekonomi Malaysia menikmati ledakan yang melawan graviti yang mengejutkan golongan skeptik. Angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku kedua yang diumumkan minggu ini menunjukkan ekonomi berkembang sebanyak 5.4 peratus, jauh melebihi jangkakan konsensus pada 4.6 peratus dan 4.9 peratus yang dicatatkan selepas semakan semula menaik bagi suku tahun sebelumnya. "

Grant menyifatkan perkembangan ini berikutan perbelanjaan besar kerajaan, pinjaman kepada perniagaan oleh bank-bank yang mempunyai modal yang baik dan permintaan pengguna yang teguh, didorong oleh kenaikan gaji kakitangan awam dan pemberian wang tunai yang turut menyaksikan pemandu teksi menerima baucar untuk tayar gantian percuma.

"Pasaran saham Malaysia telah menjadi antara pasaran dengan prestasi terbaik di dunia, disokong oleh pengapungan besar termasuk Felda, pengeluaran minyak sawit negara, yang merupakan tawaran awam permulaan kedua terbesar selepas Facebook apabila ia meraih lebih US\$2 bilion pada bulan lepas. Bank-bank bakal menerima wang dengan pelbagai IPO yang dijangka dalam tempoh beberapa bulan," katanya.

"Kebanyakan dorongan di sebalik pertumbuhan datang daripada 'Program Transformasi Ekonomi' yang dimulakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mula berkuasa pada 2009. Ini melibatkan pelbagai projek disokong kerajaan yang direka untuk menaikkan pendapatan per kapita kepada US\$15,500 menjelang 2020, daripada US\$9,600 tahun lepas dan meningkatkan Malaysia keluar daripada "perangkap pendapatan sederhana", demikian Grant menulis.

Financial Times juga memetik Christian de Guzman, seorang penganalisis di , agensi penarafan Moody's, yang mengakui beliau ragu-ragu mengenai keupayaan program untuk merangsang pembangunan sektor swasta apabila ia dilancarkan.

Tetapi de Guzman lebih berkeyakinan sekarang, sambil menambah bahawa "sesuatu hanya boleh dinilai apabila melihat hasilnya tetapi setakat ini mereka berada di landasan yang betul. Dalam agregat terdapat begitu banyak perkara yang berlaku [dalam ekonomi]. "

Grant menulis bahawa "Bukan sahaja Malaysia mengalami permintaan dalam negara yang kukuh yang mengimbangi kelemahan permintaan bagi eksportnya, sebahagian besar daripadanya elektronik ke Eropah; ia juga mendapat manfaat daripada hubungan lebih erat dengan ekonomi di Asia.

Moody's berkata pada 2006, Amerika Syarikat merupakan rakan dagang terbesar Malaysia, menyerap 18.8 peratus eksportnya, manakala Asia Pasifik menyumbang 60 peratus. Menjelang tahun lepas, bahagian AS berkurangan kepada 8.3 peratus manakala Asia Pasifik melonjak kepada 69 peratus.

Ekonomi Malaysia yang baik dan kesan daripada faktor "menyenangkan", yang berbeza daripada peningkatan kebimbangan di kalangan jiran Malaysia di Asia Tenggara setelah kelembapan global telah menjejaskan ekonomi mereka.

Penganalisis berkenaan membangkitkan satu kebimbangan untuk Malaysia: peningkatan hutang isi rumah, disebabkan oleh pertumbuhan pesat dalam penggunaan kad kredit.

Dengan projek-projek program transformasi semakin bertapak, Grant menulis bahawa Bank Negara Malaysia meramalkan pertumbuhan tahun penuh pada tahap atas 4-5 peratus.

Dalam senario ini, Financial Times juga memetik Rahul Bajoria, penganalisis di Barclays, sebagai berkata bahawa: "Kami menjangkakan momentum akan kekal disokong setelah pelaburan berdasarkan projek ini bermakna tidak mungkin dihentikan secara mendadak. "

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688792>